

Tengku Adnan (kanan), Pengarah Eksekutif (Perancangan) DBKL, Datuk Mohd Najib Mohd (kiri) dan Thien Phing merasmikan Pelancaran Kempen Transformasi Minda bagi komuniti Strata 'I Love My Strata' di Kuala Lumpur, semalam.



Isu strata kediaman di ibu kota selesai

➔ Masalah dihadapi 1.2 juta penduduk di 40 skim PPR, PPA diatasi

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pelancaran kempen 'I Love My Strata' semalam antara tindakan kerajaan menyelesaikan masalah 1.2 juta penduduk di 40 skim Projek Perumahan Rakyat (PPR), Projek Perumahan Awam (PPA) dan lebih 5,000 skim pemilik unit hartanah bangunan tinggi di sekitar ibu kota.

Aduan masalah komuniti strata atau pemilik unit bangunan antaranya membabitkan isu kebersihan, vandalisme, keengganan penghuni membayar yuran penyelenggaraan dan sikap antisosial serta gagal menghormati antara satu sama lain.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata kerajaan memandang

serius masalah pembangunan skim strata berikutan dua pertiga daripada penghuni ibu kota mendiami unit bangunan tinggi dan pangsapuri swasta.

Gesa patuhi panduan

Sehubungan itu, katanya, kempen tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu diharap berupaya mendidik komuniti strata memupuk mentaliti sihat yang menitikberatkan kebersihan, memantau aktiviti vandalisme dan meningkatkan kualiti taraf hidup serta hubungan sosial.

"Kempen bermula hari ini (semalam) selama setahun enam bulan, dibuat secara berperingkat dalam tiga fasa. Pertama, membabitkan PPR, PPA dan pangsapuri kos rendah; kedua (pangsapuri kos sederhana rendah dan kos sederhana) serta ketiga, kondominium mewah.

"Sebagai permulaan, kita menggesa penghuni PPR dan PPA mematuhi garis panduan serta membayar kos penyelenggaraan RM50 setiap bulan supaya kemudahan dapat diselenggara dengan baik," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Kempen Transformasi Minda Komuniti Strata, I Love My Strata, di sini, semalam.

Kempen kali pertama itu dibangunkan Syarikat Skyworld dengan kerjasama Kementerian Wilayah Per-

sekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Bahagian Perumahan dan Pembangunan (COB).

Tengku Adnan turut menyampaikan Sijil Praktis Mediasi, Majlis Peguam dan Diploma Ukur Bangunan, Royal Institution Surveyors Malaysia (RISM) serta Sijil Keahlian Institut Pengurusan Hartanah Profesional (MIPPM) kepada 39 pegawai COB.

Ada kuasa selesai isu strata

Susulan itu, Tengku Adnan berkata, pegawai COB mempunyai kuasa menyelesaikan masalah strata, selain menguatkuasakan garis panduan mendidik masyarakat mengikut Akta Hakmilik Strata 1985 Pindaan 2013 iaitu pemilik bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan harta bersama.

Sementara itu, Pengarah Urusan SkyWorld, Datuk Ng Thien Phing, berkata dana RM3 juta diperuntukkan bagi menyediakan kemudahan kolam renang, gimnasium, taman permainan kanak-kanak dan kawalan keselamatan kepada komuniti strata.

"Kita akan wujudkan portal dan laman sosial Facebook, buku serta garis panduan kehidupan strata ceria, menampal poster dan siaran televisyen maklumat terkini bagi mengubah mentaliti masyarakat untuk jangka panjang," katanya.

Info

Strata

➔ **Strata** - Pemilikan petak atau unit pembangunan hartanah dalam blok bangunan.

➔ **I Love My Strata** - Kempen mengubah mentaliti masyarakat terhadap kebersihan, vandalisme, keengganan penghuni membayar yuran penyelenggaraan.

➔ **Tempoh kempen** - setahun enam bulan bermula 28 Mei 2016

➔ **Golongan sasaran** - penghuni PPR, PPA, pangsapuri kos rendah, pangsapuri kos sederhana rendah dan kos sederhana serta kondominium mewah.